

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.05.2016**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. alasan untuk meluluskan pinjaman mudah RM1.5 bilion kepada Proton sungguhpun Proton bukan lagi syarikat milik Kerajaan; dan
- b. rancangan Proton untuk meningkatkan jualan dalam negara dan masalah eksport ke pasaran dunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Dasar Automotif Negara antara lain telah menggariskan keperluan Kerajaan untuk memberi sokongan kepada syarikat-syarikat tempatan pengeluar kenderaan sedia ada termasuk

Proton Holdings Berhad (PROTON). Oleh itu, Kerajaan mengambil keputusan untuk meluluskan pinjaman mudah berjumlah RM1.5 bilion kepada PROTON berdasarkan keperluan bagi memastikan PROTON terus kekal dalam industri automotif negara sebagai sebuah projek nasional yang membawa imej negara.

Tambahan pula, sekiranya Kerajaan tidak menghulurkan bantuan pinjaman mudah kepada PROTON, ia berkemungkinan besar akan mengganggu ekosistem perindustrian secara meluas dan sekaligus akan menjejaskan sektor pekerjaan dalam industri terbabit. Bantuan kepada PROTON adalah penting dan strategik dengan mengambil kira bilangan pekerjanya yang begitu ramai serta sistem rantai sokongan perniagaan yang agak besar kepada syarikat tersebut. Dianggarkan jumlah pekerja yang akan terjejas daripada 40 vendor yang berkaitan adalah berjumlah 19,134 orang, manakala sekiranya PROTON menutup operasinya, seramai 59,520 orang akan kehilangan pekerjaan termasuk 12,000 orang pekerja PROTON sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) PROTON kini dalam proses memperkemaskan rancangan pemulihan perniagaan secara menyeluruh bagi meningkatkan prestasi di dalam dan di luar negara. Ini termasuk pelan pelancaran beberapa model terbaharu pada tahun ini termasuk model Perdana, Saga baharu dan Persona baharu.

Selain itu, PROTON juga sedang menilai semula model perniagaan sedia ada dan menyediakan satu rangka kerja perniagaan serantau (*regional business framework*), selaras dengan peraturan dan kehendak pasaran yang telah dikenal pasti. Model perniagaan yang baharu ini akan mengambil kira beberapa faktor pembangunan yang berkaitan, termasuklah pembangunan model-model baharu serta kerjasama strategik dengan syarikat automotif terkemuka serantau pada masa akan datang.

Hala tuju inisiatif-inisiatif baharu PROTON ini adalah bagi membolehkan PROTON meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran dan pasaran yang kompetitif.